sikap atau pertuturan mereka. Menurut Rita Aryani (2018, ms.103) dalam kajian jurnal yang bertajuk *Pengaruh destinasi Wisata terhadap Akhlak Remaja Pekon Kuala Stabas*, di tempat pelancongan biasanya selalu didatangi oleh pengunjung yang masih berusia remaja. Remaja yang datang melancong sering membawa pasangan. Mereka akan duduk di tempat yang sunyi. Oleh itu, terdapat unsur negatif iaitu remaja melakukan perkara yang di luar batasan bersama dengan pasanganya. Hal ini menunjukan perilaku remaja yang semakin kronik.

Kemudian kajian Ulfa Danni Rosada (2018, ms.216), menjelaskan baik atau buruknya akhlak pelajar ditentukan oleh keluarga dan masyarakat. Apabila perhatian ibu bapa kurang maka motivasi dan perilaku pelajar disekolah tidak berakhlek baik pada guru dan rakan-rakannya.



Berdasarkan data daripada *Kompas.Com* ada sejumlah kasus kekerasan terhadap guru, pada tanggal 9 Februari 2019 seorang pelajar yang berinisial AA umur 15 tahun menantang dan mencekik gurunya Nur Khalim. Pada tanggal 21 Februari 2019 pelajar SMKN 3 Yogyakarta menantang dan mendorong gurunya Sujianta karena gawainya disita saat ujian sekolah. Kemudian, pada 13 Maret 2019 pelajar SMA 2 Indragiri-Riau yang berinisial A umur 19 tahun melakukan penganiayaan terhadap guru yang merupakan kepala sekolahnya Bambang Fajrianto karena persoalan tunggakan sekolah. Pada tanggal 18 April 2019 seorang pelajar SD Balongsari daripada Surabaya-Jawa Timur menendang tangan gurunya hingga patah karena tidak memakai busana kartini-kartono. Masalah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar tersebut menjadi gambaran buruknya adab pelajar terhadap guru, hilangnya nilai norma dan moral dalam kehidupan sekolah mahupun bermasyarakat.





Berdasarkan maklumat daripada *Zonalinenew.com* pada tanggal 3 Maret 2020 bahawa Tiga orang pelajar SMA Negeri 1 Fatuleu Kabupaten Kupang, Selasa 3 Maret 2020, diduga melakukan penggeroyokan terhadap seorang Guru Kelas 12 IPS 4 SMA Negeri 1 Fatuleu, Yelfret Malafu (45). Pemukulan tersebut karena guru langsung menegur pelajar yang belum mengisi daftar absen tersebut, sehingga tiba-tiba para pelaku langsung memukul guru sampai terjatuh dan juga menginjak kepalanya dan melempar dengan kursi dan batu. Kejadian ini jadi bukti tidak adanya adab yang dimiliki oleh pelajar, apabila tidak dicarikan solusinya maka akan menyebabkan marwah guru tidak dihormati lagi sebagai sumber ilmu.

Kekerasan pelajar terhadap guru jadi persoalan yang serius terjadi di sekolah, salah satu persoalan yang asas iaitu hilangnya etika seorang pelajar untuk menghormati gurunya. Adab-adab sebagaimana yang dijelaskan Al Ghazali tidak terlihat dalam sikap pelajar tersebut. Maksud lain bagi Adab ialah etika dan kesopanan. Menurut Abdul Halim Ali (2019, ms.37), bahawa perkataan moral berasal daripada perkatan latin “moralitas” yang membawa pengertian ajaran dan pegangan berkenaan dengan buruk baik. Moral penting dalam kehidupan manusia kerana dapat membantu manusia untuk mengenali perkara yang benar atau salah.

Dalam kurikulum pendidikan Indonesia tahun 2013 (Silabus Mata Pelajaran Agama Islam 2013, ms. 1-10), Pembelajaran tentang akhlak terdapat dalam subjek pembelajaran agama Islam. Dalam satuminggu pelajar mendapat pengajaran tentang agama Islam hanya tiga jam pembelajaran yang terbahagi beberapa bahan pengajaran. Antaranya tentang Aqidah, Sejarah Islam, Muamalah, Ibadah, dan Akhlak. Jadi pelajar di Indonesia selama satu semester hanya mendapat pengajaran agama Islam





lima puluh empat jam sahaja. Apabila diperincikan didapati pembelajaran akhlak hanya enam jam satu semester. Halini sangat berbeza dengan subjek pembelajaran sains seperti matematik, fizik, dan kimia, sampai lapan belas jam untuk satu bahan pengajaran. Waktu belajar yang sedikit tentang akhlak menjadi salah satu faktor kerosakan moral di sekolah dan masyarakat (Kemendikbud RI, 2013).

Kerosakan moral akan mempengaruhi kerosakan sistem sosial dalam kehidupan, persoalan adab atau moral merupakan persoalan yang serius dan harus dikenali sebabnya, supaya dapat diatasi secara bersama. Setiap persoalan memerlukan jalan penyelesaian agar sistem kehidupan semakin baik, sehingga menggunakan pendekatan adab Al Ghazali merupakan cara untuk menjelaskan langkah-langkah penyelesaikan persoalan adab di kalangan pelajar. Maka nilai adab atau moral dalam novel akan sangat penting menjadi konsep dalam menganalisis dan memahami sikap dalam kehidupan keseharian pelajar. Oleh sebab itu kajian ini akan menganalisis novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo untuk keperluan landasan pengajaran dan mempelajari nilai moral pelajar.

Inti sari nilai adab dalam novel tersebut jadi acuan untuk mempraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, supaya dapat diketahui amalan moral pelajar dalam kehidupannya. Proses pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan pada pembelajaran bahasa dan Sastera Indonesia, karena dipandang perlu nilai-nilai yang ada dalam novel dijadikan materi belajar pelajar untuk menyokong pengetahuan yang berkembang. Teks murni novel yang sudah dipetikan akan diajarkan kepada pelajar dalam pengajaran Bahasa dan sastera Indonesia.



Karya sastera utamanya ditujukan pada cara-cara seorang pengarang dipengaruhi oleh kondisi masyarakat, keadaan-keadaan ekonomi dan politik, bahkan menggambarkan situasi kejiwaan seseorang. Cara pengarang menulis ceritera tentang tokoh dalam karyanya dapat memberi nilai pendidikan untuk pembaca dan masyarakat, sehingga novel mempunyai pengaruh yang baik bagi kemajuan pendidikan di sekolah. Banyak teladan tokoh dalam novel yang dapat dijadikan pelajaran dan pengajaran untuk para pelajar. Adab yang dipraktikkan oleh tokoh akan mempengaruhi pikiran dan perilaku manusia, maka novel sangat penting untuk dijadikan sumber pembelajaran.

Pendidikan adab dalam pengajaran Bahasa dan sastera Indonesia akan menggunakan pendekatan Al Ghazali yang merangkumi aspek adab terhadap Allah SWT, adab ibu bapa, adab kepada guru, adab kepada masyarakat, dan adab kepada alam semesta. Kelima-lima jenis pendekatan adab oleh Al Ghazali sebagai suatu alternatif bagi membentuk karakter adab para pelajar yang berada di persekolahan. Supaya proses pembelajaran bagus akan menggunakan model pembelajaran VAK (Visual, audiotory, Kinestetik) untuk menjelaskan atau mengajarkan pendekatan adab tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini akan menganalisis adab-adab dalam novel *Ngusu Waru yang Tersisa* karya N Marewo dengan pendekatan Al Ghazali serta model pengajaran dan pembelajaran Visual, Auditorial, dan Kinestetik (VAK). Adapun objektif kajian yang dimaksud;



1. Menganalisis adab pelajar kepada guru di SMA Negeri 3 Soromandi Kabupaten Bima Provinsi NTB-Indonesia.
2. menganalisis nilai adab dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo berdasarkan pendidikan adab menurut Al Ghazali.
3. Merancang rancangan pengajaran dan pembelajaran adab di SMA 3 Soromandi berdasarkan novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo dan pendidikan adab Al Ghazali dengan model pembelajaran VAK (Visual Audiotory Kinestetik).

1.5 Persoalan Kajian



Berdasarkan objektif kajian, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut :




1. Bagaimanakah adab pelajar kepada guru di SMA Negeri 3 Soromandi?
2. Apakah nilai adab yang terdapat dalam *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo?
3. Bagaimanakah perancangan pengajaran dan pembelajaran pendidikan adab dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo dan pendidikan adab Al Ghazali dengan model pembelajaran VAK?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini fokus menganalisis nilai pendidikan adab dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N. Marewo, kemudian pendidikan adab tersebut diklasifikasi dengan



pendekatan Al Ghazali iaitu adab kepada Allah SWT, adab kepada guru dan pelajar, adab kepada orang tua, adab kepada sahabat dan masyarakat, adab kepada alam semesta dan adab terhadap diri sendiri. Seluruh nilai adab dalam pendekatan Al Ghazali akan digunakan dalam mengkategorikan isi kandungan novel, nilai pendidikan adab ini akan dijadikan bahan dalam membuat rancangan rencana pengajaran dan pembelajaran menggunakan model VAK, sehingga mampu menganalisa tentang pembelajaran adab di Sekolah berdasarkan temuan bual kepada guru dan pelajar. Soalan yang akan ditemui bual memiliki hubungan dengan nilai adab dalam pandangan Al Ghazali.



Rajah 1.1. Konseptual Kajian

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Adab

Menurut Al Attas (1987, ms.90), makna konsep *ta'dīb* dibangun dari makna kata dasar *adaba* dan derivasinya. Kata *adaba* dan derivasinya, bila maknanya dikaitkansatu sama lain, akan menunjukkan pengertian pendidikan yang integratif. Kemudian Ibn Mandzur (1960, ms.37), menyatakan antara makna- makna tersebut iaitu, kesopanan, keramahan, dan kehalusan budi pekerti. Makna ini sama dengan akhlak. Adab juga secara konsisten dikaitkan dengan dunia sastera, yakni adab dijelaskan sebagai pengetahuan tentang hal-hal yang indah yang mencegah dari kesalahan-kesalahan. Sehingga seorang penulis disebut *adīb*. Makna ini hampir sama dengan definisi yang diberikan al-Jurjani, yakni *ta'dīb* iaitu proses memperoleh ilmu pengetahuan (*ma'rifah*) yang dipelajari untuk mencegah pelajar dari bentuk kesalahan.



05-4506832



Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

perkataan “*Khuluk*” yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian tersebut, menurut Asmawati (2009, ms.15), bahawa akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah, dan agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang.

Jadi, adab ialah tingkah laku seseorang dalam kehidupan baik ketika berkomunikasi dengan orang lain mahupun ketika bersendirian yang dimana terdapat kesopanan, kejujuran, kesabaran, tanggungjawab, dan kepercayaan. Oleh itu, definisi operasional Adab yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pendidikan adab yang ada dalam diri pelajar terhadap Allah, guru, ibu bapa, masyarakat, dan alam semesta.



1.7.2 Novel

Novel dari kata novella (Latin), bentuk singkat dan padat cerita zaman pertengahan, bentuk kemudian genre roman (Ratna2013, ms. 415). Dalam kamus istilah sastera dikemukakan bahawa novel iaitu prosa rekaan yang paling panjang yang menyuguhkan tokoh-tokoh dan menerapkan serangkaian peristiwa dan latar secara tersusun (Sujima,1994).

Menurut Jassin (1991), novel iaitu suatu karya prosa yang bersifat cerita yang menceritakan suatu kejadian luar biasa dari kehidupan orang-orang (tokoh cerita) dari kejadian ini timbul konflik suatu pertikaian yang mengalihkan urusan nasib mereka.



Oleh itu definisi operasional novel yang digunakan dalam kajian ini ialah ekspresi pemikiran, perasaan, dan pengalaman seorang pengarang yang disampaikan dengan tulisan, cerita tersebut mempunyai tokoh yang menjadi keteladanan dalam ucapan, watak, nilai-nilai yang dipercaya, serta gaya bahasa dan penceritaan. Oleh itu, novel *Nggusu Waru yang Tersisa* sangat perlu untuk dianalisis isi yang terkandung di dalamnya. Lebih khas nilai adabnya.

1.7.3 Model Pembelajaran VAK

Menurut Deporter (dalam Huda 2014, ms.17), bahawa pada pembelajaran VAK, pembelajaran difokuskan pada pemberian pengalaman belajar secara langsung (*direct experience*) dan menyenangkan. Pengalaman belajar secara langsung dengan cara





belajar dengan melihat (*visual*), belajar dengan mendengar (*auditory*) dan belajar dengan gerak dan emosi (*Kinesthetic*).

Kemudian Huda (2014, ms.287), berpendapat "*Visual Auditori Kinestetik* (VAK) iaitu gaya belajar *multi-sensorik* yang melibatkan tiga unsur gayabelajar, yaitu penglihatan, pendengaran, dan gerakan." Pembelajaran memerlukan tokoh drama bukan hanya dengan metodelogi *roleplaying* tetapi juga ditambah dengan metodelogi lainnya yang menarik melalui kegiatan yang mengoptimumkan beragam gaya belajar pelajar. Langkah-langkah model tersebut dapat memaksimumkan kemampuan belajar pelajar pada aspek melihat, mendengar, dan bergerak. Menggunakan model *Visual, Auditory, Kinesthetic* (VAK), dalam langkah *Visual* pelajar dapat belajar dengan melihat gambar ekspresi kemudian diperaktekkan sesuai gambar, langkah *Auditory* pelajar mendengar dialog drama kemudian mengidentifikasi lafal dan intonasinya, dan terakhir langkah *Kinesthetic* pelajar memerlukan drama (*role playing*).

Oleh itu definisi operasional VAK yang digunakan dalam kajian ini ialah gaya belajar *multi-sensorik* yang melibatkan tiga unsur gayabelajar, yaitu penglihatan, pendengaran, dan gerakan untuk mengoptimumkan potensi yang ada kepada pelajar dalam memahami pelajaran.

1.7.4 Adab Pendekatan Al Ghazali

Dalam kitab *Bidayat Al-Hidayah* karya Al-Ghazâlî (1995, ms.154), membahagi adab kepada sesama manusia beberapa bahagia iaitu:

1. Adab kepada Allah SWT





Jika engkau Ma'rifat akan Tuhanmu dengan sebenarnya pasti engkau menjadikan-Nya sebagai sahabat (orang dekat) dan engkau meninggalkan yang lain dari pada-Nya. Oleh sebab itu, sudah menjadi kewajiban supaya engkau mengetahui adab-adab terhadap-Nya;

- I. Menundukkan kepala di hadapan-Nya
- II. Merendahkan pandangan di hadapan-Nya
- III. Menumpukan perhatian kepada-Nya
- IV. Mendiamkan segala anggota badan
- V. Bersegeralah mengikuti perintah-Nya
- VI. Menjauhi larangan-Nya
- VII. Tidak menyangkal perbuatan-Nya (tidak menunjukan rasa tidak puas hati terhadap takdirnya)
- VIII. Mengakali zikir (ingat) kepada-nya
- IX. Menzalimi fikir terhadap qudrat-Nya
- X. Mengambil yang hak dan meninggalkan yang batil
- XI. Putus harapan daripada makhluk
- XII. Tunduk kerana kehebatan-Nya
- XIII. Pecah hati kerana malu daripada-Nya
- XIV. Berasatenang dalam kehidupan kerana percaya terhadap jaminan- Nya
- XV. Bertawakal kepada kelebihan-Nya.

2. Adab-adab seorang guru

- I. Banyak sabar menanggung kesusahan (Ihktimal)
- II. Meninggalkan takabur atas sekalian hamba Allah kecuali pada orang yang



zalim kerana menegahkan daripada kezalimannya.

- III. Memilih *tawadu* iaitu merendahkan diri dari pada perhimpunan orang ramai dan pada perhimpunan orang ramai.
- IV. Kasih sayang dengan pelajar dan lemah lembut dengan yang kurang pandai
- V. Membimbang pelajar yang bebal dan tidak memarahi yang bodoh
- VI. Tidak malu daripada berkata “*aku tidak tahu*” (bagi masalah yang tidak diketahui)
- VII. Melarang pelajar daripada menuntut ilmu yang fardu kifayah sebelum selesai daripada menuntut ilmu yang fardu Ain’
- VIII. Memperbaiki diri dengan takwa sebelum ia menyuruh orang lain.

3. Adab-adab seorang Pelajar

I. Apabila ia menemui Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

terlebih dahulu

- II. Jangan memperbanyak bercakap-cakap dihadapan gurunya
- III. Jangan ia bertanya kepada gurunya sebelum ia meminta izin
- IV. Jangan menyangkal dengan menunjukkan ketidaksukaan
- V. Jangan berbisik dengan orang ditepinya ketika guru memberikan pelajaran
- VI. Apabila gurunya berdiri maka hendaklah ia berdiri untuk menghormatinya
- VII. Jangan jahat sangka terhadap gurunya apabila ia melihat gurunya mengerjakan sesuatu pekerjaan yang pada zahirnya menyalahi ilmunya (bukan menyalahi agama).

4. Adab-adab dengan Ibu Bapa (Orang tua)

- I. Hendaklah mengikuti segala perkataan ibu bapa



- II. Hendaklah ia menjunjung segala perintah kedua-duanya
 - III. Jangan mengangkat suara lebih tinggi daripada suara kedua-duanya
 - IV. Hendaklah ia memperkenankan panggilan kedua-duanya
 - V. Hendaklah ia bersikap *tawadu'* terhadap kedua-duanya
-
- VI. Jangan ia menyebut-nyebut jasanya kepada kedua-duanya dan jangan pula ia menyebut sebarang perkhidmatan kepada mereka.
 - VII. Jangan ia melihat kepada kedua-duanya dengan pandangan penghinaan.

5. Adab-adab dengan seluruh manusia

- I. Orang yang tidak dikenal, kita perlu beradab pada mereka. Kita tidak perlu mengambil berat terhadap perkataan yang kurang baik yang diucapkan kepada kita tetapi hendaklah kita memberi teguran dan nasihat terhadap perbuatan dan pertuturan mereka.
- II. Sahabat karib. Kitaharus beradab dengan caramenjadikan ia sebagai pembantu dalam menuntut ilmu dan dalam urusan agama. Mereka harus berakal, baik akhlaknya, soleh, dan tidak cinta dunia.
- III. Orang yang dikenal sahaja iaitu kita harus tetap berhati-hati kepada mereka dan selalu berlaku baik kerana kita hanya mengetahui yang dikenali saja.

6. Adab kepada alam semesta

- I. Alam semesta merupakan tempat tinggal orang untuk dipelihara dan dijaga
- II. Lingkungan persekitaran menjadi tanggungjawab manusia untuk dilestarikan.
- III. Orang harus menanam pohon dan menjaga kebersihan.





Adab-adab tersebut yang akan membina karakter manusia, maka perlu diberlakukan dalam sistem pendidikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran, karakter iaitu kumpulan tatanilai yang menuju pada suatu sistem, yang melandasi pemikiran, sikap, dan perilaku yang ditampilkan. Imam Al- Ghazali menganggap bahawa karakter lebih dekat dengan akhlak, iaitu sikap manusia yang spontan, atau perbuatan yang telah menyatu dalam diri manusia sehingga ketika muncul tidak perlu difikirkan lagi (Muslish 2011, ms.70).

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini akan fokus kepada pendekatan adab dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N Marewo, karena karya punya hubungan dengan realiti sosial, fikiran pengarang, dan nilai-nilai yang diyakini oleh masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan Al Ghazali tentang adab-adab yang dirujuk dari kitab *Bidayatul Hidayah*. Selanjutnya pendekatan adab akan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan model pembelajaran VAK pada pengajaran Bahasa dan sastera Indonesia. Oleh sebab itu batas kajian ini akan membincangkan tentang novel yang dipilih, kepengarangan, pendekatan Al Ghzali, dan model pembelajaran VAK (Visual, Auditori, dan Kinestetik).

Novel yang analisis dalam kajian ini iaitu novel *Nggusu Waru yang Tersisa* karya N Marewo, mengkaji pendidikan adab yang terkandung di dalamnya. Pendidikan adab menjadi hal penting dalam kehidupan manusia, hal yang paling inti untuk menentukan manusia itu baik atau buruk. Namun yang menjadi problem kini bahawa masalah pendidikan adab semakin kurang diperhatikan. Kemerosotan adab





atau moral manusia tidak bererti kehidupan sudah tidak memiliki kebaikan, hanya saja perlu diperhatikan secara serius melalui pendidikan formal maupun informal, sehingga masalah yang sudah terjadi tidak berulang lagi dan manusia kembali kepada fitrahnya sebagai penuntut kebenaran.

Kepentingan adab dalam novel ini sangat perlu pula dijadikan isi pelajaran yang dimasukan ke dalam rancangan rencana pengajaran dan pembelajaran, sebab istilah *Nggusu Waru* dalam tradisi kerajaan Bima ialah lapan kriteria kepemimpinan yang harus dimiliki oleh seorang sultan.

Selanjutnya, N Marewo atau nama aslinya Aminullah iaitu penulis sastera indonesia, lahir di Bima Provinsi Nusa Tenggara Barat pada 2 Juli 1966. Pengarang ini sudah mulai menulis diusia yang cukup muda iaitu sejak sekolah menengah atas (SMA) dan mulai bergaul dengan seniman lainnya. Beliau pergi ke beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Mexico, Turki, Afrika Utara, negara-negara di Eropah, negara-negara di Asia Tenggara, pernah tinggal di Jerman selama lima tahun.

Pengarang ini sudah menulis beberapa novel iaitu *Lambo, Jangan Menangis Bangsaku, Filmbuenhne am Steiplatz, Pulang, Satu Hari di Yogja, Legian Kuta, Budak, dan Nggusu Waru yang Tersisa*. Lalu buku esainya iaitu *Teka-Teki Seputar Konflik dan Kebudayaan, Lalat-lalat dan Burung-Burung Bangkai*. Novel yang ditulisnya membincangkan Sosial Budaya, Politik, dan Lingkungan, karakter tokoh dalam novelnya sangat kuat, menjunjung tinggi nilai kejujuran, pengorbanan, kesantunan, dan saling menghormati. Maka, Dr Mathias Diederich dari frankfurt University memberi gelaran sebagai penulis benua Asia yang fenomena.





Pembelajaran Bahasa dan Sastera Indonesia yang menggunakan novel sebagai bahan pengajarannya, maka diperlukan satu pendekatan pakar atau teori yang dikemukakan oleh ahli, pada kajian ini menggunakan pendekatan adab yang dibincangkan oleh Al Ghazali. Imam Al-Ghazali nama lengkapnya iaitu Abu Hamid Muhammad IbnuMuhammad Al-Ghazali, yang terkenal dengan hujjatul Islam (argumentator islam) karena jasanya yang besar dalam menjaga islam daripada pengaruh ajaran bid'ah dan aliran rasionalisme yunani. Beliau lahir pada tahun 450 H, bertepatan dengan 1059 M di Ghazalah suatu kota kecil yang terlepas di Thus wilayah Khurasah yang waktu itu merupakan salah satu pusat ilmu pengetahuan di dunia Islam.

Perjalanan Imam Ghazali dalam memulai pendidikannya di wilayah

kelahirannya. Melalui ayahnya beliau belajar Al Qur'an dan dasar-dasar ilmu keagamaan yang lain, dilanjutkan di Thus dengan mempelajari dasar-dasar pengetahuan. Setelah beliau belajar pada teman ayahnya (seorang ahli tasawuf), ketika beliau tidak mampu lagi memenuhi keperluan keduanya, beliau mengajarkan mereka masuk ke sekolah untuk memperoleh selain ilmu pengetahuan. Beliau mempelajari pokok Islam (Alqur'an dan sunnah nabi). Antara kitab-kitab hadis yang beliau pelajari, antara lain:

- a. *Shahih Bukhari*, beliau belajar dari Abu Sahl Muhammad bin Abdullah Al Hafshi
- b. *Sunan Abi Daud*, beliau belajar dari Al Hakim Abu Al Fath Al Hakimi
- c. *Maulid An Nabi*, beliau belajar pada dari Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad Al Khawani
- d. *Shahih Al Bukhari dan Shahih Al Muslim*, beliau belajar dari Abu





AlFatyanUmar Al Ru“asai. (Al Ghazali, 2004).

Menurut Hudari (dalam Herwinskyah 1980, ms.24), Imam Al Ghazali dalam perjalanan menuntut ilmunya mempunyai banyak guru, antara guru-guru imam Al Ghazali sebagai berikut:

1. Abu Sahl Muhammad Ibn Abdullah Al Hafsi, beliau mengajar imam Al Ghazali dengan kitab shohih bukhori.
2. Abul Fath Al Hakimi At Thusi, beliau mengajar imam Al Ghazali dengan kitab sunan abi daud.
3. Abdullah Muhammad Bin Ahmad Al Khawari, beliau mengajar imam Ghazali dengan kitab maulid an nabi.



penulis yang tidak terbandingkan lagi, kalau karya imam Al Ghazali diperkirakan mencapai 400 kitab, di antaranya iaitu:

- a. *Maqhasid al falasifah* (tujuan para filusuf), sebagai karangan yang pertama dan berisi masalah-masalah filsafah.
- b. *Tahaful al falasifah* (kekacauan pikiran para filusifi) buku ini dikarang sewaktu berada di Baghdad di kala jiwanya di landa keragu-raguan. Dalam buku ini Al Ghazali mengancam filsafat dan para filusuf dengan keras.
- c. *Mi "yar al-,, ilmi atau miyar almi* (kriteria ilmu-ilmu).
- d. *Ihya" ulumuddin* (menghidupkan kembali ilmu-ilmu agama).

Kitab ini merupakan karyanya yang terbesar selama beberapa tahun dalam keadaan berpindah-pindah antara Damakus, Yerusalem, Hijaz, Dan Thus yang berisi panduan fiqh, tasawuf dan filsafat.





- e. *Al munqiz min al dhalal* (penyelamat dari kesesatan) kitab ini merupakan sejarah perkembangan alam pikiran Al Ghazali sendiri dan merefleksikan sikapnya terhadap beberapa macam ilmu serta jalan mencapai tuhan.
- f. *Al-ma'arif al-aqliyah* (pengetahuan yang nasional), *Miskyat al anwar* (lampaunya yang bersinar), kitab ini berisi pembahasan tentang akhlak dan tasawuf.
- g. *Minhaj al abidin* (jalan mengabdikan diri terhadap tuhan).
- h. *Al iqtishad fi al i'tiqod* (moderisasi dalam aqidah).
- i. *Ayyuha al walad.*
- j. *Al musytasyfa*
- k. *Ilham al -awwam an, lmal kalam.*
- l. *Mizan al amal.*
- m. *Akhlek al abros wa annajah min al asyhar* (akhlek orang-orang baik dan kesalamatan dari kejahatan).
- n. *Assrar ilmu addin* (rahasia ilmu agama).
- o. *Al washit* (yang pertengahan).
- p. *Al wajiz* (yang ringkas).
- q. *Az-zariyah ilaa'' makarim asy syahi''ah* (jalan menuju syariat yang mulia)
- r. *Al hibr al masbuq fi nashihoh al mutuk* (barang logam mulia uraian tentang nasehat kepada para raja).
- s. *Al mankhul minta''liqoh al ushul* (pilihan yang tersaing dari noda-noda ushul fiqh).
- t. *Syifa al qolil fibayan alsyaban wa al mukhil wa masalik at ta''wil* (obat orang dengki penjelasan tentang hal-hal samar serta cara-cara penglihatan).
- u. *Tarbiyatul aulad fi islam* (pendidikan anak di dalam islam)
- v. *Tahzib al ushul* (elaborasi terhadap ilmu ushul fiqiha).



- w. *Al ikhtishos fi al „itishod* (kesederhanaan dalam beritiqad).
- x. *Yaaqut at ta "wil* (permata ta“wil dalam menafsirkan al qur“an).

Imam Al Ghazali merupakan imam besar islam yang tak diragukan hujah-hujahnya, pendapatnya menjadi rujukan banyak orang, baik dalam hal agama maupun dalam hal sosial budaya, ekonomi, politik, pendidikan, dan adab kehidupan keseharian manusia. Kualitas religiusitas dan intelektualitasnya mempengaruhi banyak orang maka pikiran-pikiran Al Ghazali harus bisa dijadikan pendekatan dalam mengkaji permasalahan yang ada dalam kehidupan manusia. Pikiran-pikirannya tetap sesuai dengan keadaan dan perkembangan jaman.

Dalam pengajaran dan pembelajaran, kajian ini memilih model pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik) dapat memaksimumkan potensi pelajar dalam mengembangkan kualiti dirinya. Menggunakan pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik) pelajar tidak hanya monoton atau satu gaya belajar saja, melainkan pelajar dapat mengembangkan potensi lain yang ada dalam dirinya.

Melalui pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik) pelajar dapat memahami persoalan melalui pengamatan dan pencermatan dalam gambar, diagrama, video, kemudian pelajar mampu belajar melalui mendengar dan menganalisa teks pada ceramah, musik, cerita, dan dialog-dialog, hasil pengamatan dan proses menyimak mampu diperaktekan dalam perilaku atau peran-peran tertentu. Maka perilaku pelajar sangat berpengaruh pada proses mengamati dan menyimak tadi dalam kehidupannya di dalam proses belajar mengajar. Proses pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik) membantu pelajar mengembangkan aspek kognitif, afektif, dan



psikomotorik secara bersamaan.

1.9 Kepentingan Kajian

Menurut Masruroh Lubis (2018, ms.55), implementasi pendidikan karakter di Indonesia sebenarnya telah ada sejak lama, tapi penggunaan istilah karakter baru sekitar satu dekad balakangan ini. Dahulu dikenal dengan pendidikan moral dan kewarganegaraan, pendidikan budi pekerti dan lain-lain. Saat ini pendidikan karakter lebih mendapatkan perhatian serius daripada pemerintah bahkan pada tahun 2018 pemerintah melalui kementerian pendidikan dan kebudayaan mengeluarkan satu gerakan nasional yang disebut dengan Penguatan Pendidikan Karakter (PPK), kemudian diatur dalam Permendikbud Nomor 20 Tahun 2018. Gerakan ini menghendaki institusi pendidikan sebagai kekuatan terdepan pelopor pendidikan karakter. Pelaksanaanya tentu tidaklah selalu sesuai dengan keinginan masyarakat, kerena pasca penerapan pendidikan karakter di sekolah-sekolah terdapat pro dan kontra di tengah-tengah masyarakat, mereka menganggap bahawaisi kandungan daripada pendidikan karakter merupakan adaptasi daripada pendidikan Barat.

Di sekolah pelajar sangat diharapkan berakhhlak baik terhadap guru, ada beberapa adab atau etika pelajar terhadap guru menurut Lailatul Asfufah (2019), etika pelajar terhadap guru yang beliau tuliska didalam kitab *akhlaq I'lilbanin* karya Umar Bin Ahmad Baraja jilid I, iaitu (1) *Tawadhu*, (2) jujur, (3) *khusnudzan* (berpikir positif), (4) sabar, dan (5) sopan. Adab atau akhlak tersebut menjadi dasar yang akan diajarkan kepada pelajar sebagai pedoman dalam menuntut ilmu agar tercapainya





tujuan pendidikan Islam untuk membentuk manusia yang Islami sesuai syariat dan norma-norma sosial.

Nilai-nilai adab mapun nilai sosial budaya yang ada dalam isi novel perlu dijadikan bahan untuk dibuatkan rancangan pembelajaran di sekolah kerena sumber pengajaran daripada novel mengandung banyak makna untuk difahami dan dikayati oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran maupun dihayati dalam kehidupan sehari-hari.

Dalam kajian ini memiliki kepentingan untuk pengkaji dan publik (orang lain), kepentingan yang dimaksud iaitu;

1. Dapat menjelaskan nilai adab dalam novel *Nggusu Waru yang Tersisa* dengan pendekatan Al Ghazali agar difahami oleh pembaca.
2. Dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di Sekolah.
3. Dijadikan literatur dalam menyusun rancangan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
4. Mengamalkandan menjalankan pengajaran Bahasa dan Sastera Indonesia berdasarkan novel dengan menggunakan model pembelajaran VAK (Visual Auditori Kinestetik).
5. Dijadikan rujukan bagi kepentingan penelitian lain, lebih khusus yang meneliti tentang adab di sekolah maupun secara umum.





1.10 Rumusan Bab

Kajian pendidikan Adab dalam kalangan pelajar berdasarkan novel *Nggusu Waru yang Tersisa* fokus menganalisis nilai adab (moral) yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian ini dapat dijadikan pedoman sertarujukan untuk penghayatan teks novel yang mengandung nilai adab (moral). Nilai adab (moral) yang dimaksud ialah nilai perilaku manusia menjadi contoh kepada kita untuk diteladani dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Secara umum para penulis novel bertujuan menyampaikan mesej tertentu kepada pembaca. Maka nilai adab (moral) serta masalah sosial budaya lainnya merupakan komponen penting dalam novel yang dijadikan senjata dalam mempengaruhi pemikiran para pembaca. Nilai-nilai dalam novel tidak hanya dikaji secara teks untuk kepentingan memahami isinya, tetapi bisa dijadikan sebagai pedoman untuk mengajar dalam sekolah, nilai-nilai yang terkandung dalam novel akan dijadikan inti sari dalam materi pembelajaran.

